



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

Harga Makanan Ayam Turun, Untungkan Pernak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Bisnes	25	3 Okt

Harga makanan ayam turun untungkan pernak

penurunan kos makanan ter-nakan dijangka memberi manfaat besar kepada pernak dan pengeluar ayam tempatan.

MIDF Research dalam nota penyelidikannya berkata, sejak awal tahun ini, kos makanan ternakan terus menunjukkan penurunan yang konsisten, didorong oleh ketepilan harga jagung dan soya. Setakat tahun ini, harga kacang soya mencatatkan penurunan sebanyak 16 peratus kepada AS\$358 satu tan, manakala harga jagung turun sebanyak 11 peratus kepada AS\$17,312 satu tan.

"Penurunan ini memberi harapan cerah kepada pengeluar ayam kerana kos makanan ternakan biasanya menyumbang 65 hingga 75 peratus daripada kesehuruan kos pengeluaran, dengan jagung menyumbang antara 55 hingga 69 peratus dan kacang soya pula 19 hingga 32 peratus daripada kos makanan ayam.

"Kos makanan ternakan yang

meningkatkan margin keuntungan pengeluar ayam," katanya. MIDF Research turut optimis bahawa harga global jagung dan kacang soya akan terus kekal rendah menjelang 2025 berikutan bekalan yang mencukupi dari negara pengekspor utama.

"Keadaan ini akan terus memberi manfaat kepada pengeluar ayam dengan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan," katanya.

Dalam masa yang sama, langkah kerajaan untuk menarik balik kawalan harga dan subsidi ayam berkuat kuasa 1 November 2023 memberi fleksibiliti lebih besar kepada pengeluar ayam untuk melaraskan harga mengikut dinamika pasaran.

"Ini bermakna pengeluar boleh menyalurkan kos pengeluaran yang meningkat kepada pengguna, yang secara tidak langsung membantu mengekalkan margin keuntungan mereka," katanya.

Walau bagaimanapun, kera-

meningkatkan margin keuntungan pengeluar ayam," katanya. MIDF Research turut optimis bahawa harga global jagung dan kacang soya akan terus kekal rendah menjelang 2025 berikutan bekalan yang mencukupi dari negara pengekspor utama.

"Keadaan ini akan terus memberi manfaat kepada pengeluar ayam dengan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan," katanya.

Dalam masa yang sama, langkah kerajaan untuk menarik balik kawalan harga dan subsidi ayam berkuat kuasa 1 November 2023 memberi fleksibiliti lebih besar kepada pengeluar ayam untuk melaraskan harga mengikut dinamika pasaran.

"Ini bermakna pengeluar boleh menyalurkan kos pengeluaran yang meningkat kepada pengguna, yang secara tidak langsung membantu mengekalkan margin keuntungan mereka," katanya.

Walau bagaimanapun, kera-

meningkatkan margin keuntungan pengeluar ayam," katanya. MIDF Research turut optimis bahawa harga global jagung dan kacang soya akan terus kekal rendah menjelang 2025 berikutan bekalan yang mencukupi dari negara pengekspor utama.

"Keadaan ini akan terus memberi manfaat kepada pengeluar ayam dengan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan," katanya.

Dalam masa yang sama, langkah kerajaan untuk menarik balik kawalan harga dan subsidi ayam berkuat kuasa 1 November 2023 memberi fleksibiliti lebih besar kepada pengeluar ayam untuk melaraskan harga mengikut dinamika pasaran.

"Ini bermakna pengeluar boleh menyalurkan kos pengeluaran yang meningkat kepada pengguna, yang secara tidak langsung membantu mengekalkan margin keuntungan mereka," katanya.

Walau bagaimanapun, kera-



Kos makanan ternakan yang lebih rendah dijangka membantu meningkatkan margin keuntungan pengeluar ayam.

Subsidi ini penting dalam membantu pengeluar telur menampung kos, sekali gus mengekalkan margin keuntungan mereka.

"Dengan kos makanan ternakan yang semakin stabil, ada jangkaan bahawa kerajaan mungkin akan mengurangkan subsidi telur dalam Belanjawan 2025 yang akan diumumkan bulan depan," katanya.

Subsidi ini penting dalam membantu pengeluar telur menampung kos, sekali gus mengekalkan margin keuntungan mereka.

"Dengan kos makanan ternakan yang semakin stabil, ada jangkaan bahawa kerajaan mungkin akan mengurangkan subsidi telur dalam Belanjawan 2025 yang akan diumumkan bulan depan," katanya.

Lelaki Warga Bangladesh Didakwa Heret Kucing Mengguna Motosikal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	2 Okt



Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mendatangkan kesakitan ke atas seekor kucing. FOTO BERNAMA

Shah Alam: Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mendatangkan kesakitan ke atas seekor kucing.

Monotosh, 41, selaku Orang Kena Saman (OKS) didakwa secara bersama-sama seorang lagi individu dengan kejam mengheret seekor kucing dewasa yang diikat dengan alat penjerut di atas jalan raya sambil menaiki motosikal sehingga menyebabkan kesakitan terhadap haiwan itu.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sekitar kawasan perumahan Seksyen 31 di sini pada 7 September lalu mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan boleh didenda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin selain Monotosh perlu menyerahkan pasportnya kepada mahkamah.

Peguam K Bagia Sri Devi yang mewakili OKS memohon jaminan minimum mengambil kira anak guamnya perlu menyara keluarganya di negara asal dengan gaji RM1,500 selain tidak mempunyai keluarga yang terdekat di Malaysia untuk membantu mengumpul wang jaminan yang tinggi.

"Lagipun pasport juga telah diminta untuk diserahkan kepada mahkamah dan anak guam saya tidak lari daripada mana-mana kes dan dia telah bekerjasama dari hari pertama, saya harap mahkamah boleh mempertimbangkan untuk wang jaminan dikurangkan kepada jumlah yang bersesuaian," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan Monotosh untuk menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri ke balai polis terdekat pada setiap bulan

sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 November ini.

Terdahulu, mahkamah turut membenarkan permohonan Mohd Sharif untuk mengeluarkan waran tangkap terhadap seorang individu warganegara asing yang sepatutnya dituduh bersama Monotosh hari ini namun gagal hadir ke mahkamah.-[MYMETRO](#)

Lelaki Bangladesh Didakwa Heret Kucing Sambil Tunggang Motosikal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	2 Okt



Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu atas pertuduhan mencederakan seekor kucing.

SHAH ALAM - Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas pertuduhan mencederakan seekor kucing dengan menunggang motosikal sambil mengheret haiwan itu atas jalan raya pada bulan lalu.

Monotosh, 41, selaku orang kena saman (OKS) membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibaca dalam bahasa Melayu di hadapan Hakim, Rasyihah Ghazali.

OKS didakwa bersama-sama

seorang lelaki yang masih bebas menunggang motosikal jenis SYM sambil mengheret seekor kucing dewasa yang diikat menggunakan alat penjerut atas jalan raya dengan kejam sehingga menyebabkan binatang itu kesakitan.

Kesalahan didakwa dilakukan di kawasan perumahan di Seksyen 31 antara jam 2 hingga jam 2.15 petang pada 7 September lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan

boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, pegawai Pendakwa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Mohd Sharif Sabran mencadangkan OKS diberi ikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin tempatan dan menyerahkan pasportnya kepada mahkamah.

Peguam, K Bagia Sri Devi yang mewakili OKS merayu kadar itu dikurangkan kerana anak guamnya perlu menyara keluarga di negara asal.

"Dokumen perjalanan OKS telah diserahkan kepada mahkamah dan dia telah memberi kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa sejak disiasat," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-duanya pihak, Rasyihah membenarkan OKS diikat jamin sebanyak RM13,000 dengan seorang penjamin warga tempatan dengan syarat tambahan, melaporkan diri di balai polis

sekali setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah, sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 4 November depan.-
SINARHARIAN

Pekerja Pembersihan Didakwa Jerut, Heret Kucing Guna Motosikal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO! Online	Negara	Online	2 Okt



Monotosh ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Shah Alam hari ini.

Foto oleh AFIQ RAZALI/ KOSMO!

SHAH ALAM – Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan mengheret seekor kucing menggunakan motosikal pada bulan lalu.

Monotosh, 41, selaku Orang Kena Saman (OKS) membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rasyihah Ghazali.

Warga asing itu didakwa bersama seorang lagi lelaki didakwa mengheret kucing dengan alat penjerut sambil menunggang motosikal SYM di

kawasan perumahan Long Branch Residence, Seksyen 31, di sini antara pukul 2 hingga 2.15 petang, 7 September lalu.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Mohd. Sharif Sabran mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam K. Bagia Sri Devi bagaimanapun memohon ikat jamin RM10,000 dikenakan ke atas anak guamnya yang hanya

berpendapatan bulanan RM1,500.

“Dia sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak, namun keluarganya tidak berada di negara ini. Anak guam saya sentiasa hadir setiap kali sesi siasatan dijalankan dan memberikan kerjasama yang baik. Dia juga tidak mempunyai kesalahan lampau di negara ini,” katanya.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM13,000 dengan seorang penjamin warga tempatan selain mengarahkan Monotosh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap bulan di balai polis terdekat. Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 November ini.

Pada prosiding itu, mahkamah turut mengeluarkan waran terhadap seorang lagi OKS yang gagal hadir bagi pertuduhan kes sama. – **KOSMO! ONLINE**

Pekerja Pembersihan Warga Bangladesh Didakwa Aniaya Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	2 Okt



Warga Bangladesh, Monotosh (baju putih) didakwa di Mahkamah Sesyen, Shah Alam atas tuduhan mencedera dan menganiaya seekor kucing bulan lalu. - Foto FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Pekerja pembersihan warga Bangladesh didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, atas tuduhan mencedera dan menganiaya seekor kucing bulan lalu.

Tertuduh, Monotosh, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rasyihah Ghazali.

Tertuduh didakwa secara bersama dengan seorang lagi individu dengan kejamnya mengheret seekor kucing

dewasa berwarna putih yang diikat dengan alat penjerut sambil menaiki sebuah motosikal.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah kawasan perumahan di Seksyen 31, antara jam 2 hingga 2.15 petang, pada 7 September lalu.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34

kanun Keseksaaan.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohd Sharif Sabran menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam, K Bagia Sri Devi kemudian memohon jaminan dikurangkan kepada RM10,000 dengan alasan tertuduh berasal dari Bangladesh bekerja dengan gaji RM1,500 sebulan.

Beliau berkata, tertuduh juga tiada ahli keluarga di negara ini dan akan dijamin oleh majikannya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin dengan RM13,000 dengan seorang penjamin warganegara dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Terdahulu mahkamah turut membenarkan permohonan Mohd Sharif untuk mengeluarkan waran tangkap terhadap seorang lagi individu warganegara

asing yang sepatutnya dituduh bersama Monotosh, namun gagal untuk menghadirkan diri.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 November ini.-[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR